

TERHAD

GARIS PANDUAN TEMUDUGA UJIAN KHAS PTK BAGI PEMBANTU TADBIR RENDAH GRED N11 DAN N14 KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

1. Tujuan

Menilai pengetahuan Pembantu Tadbir Rendah (PTR) N11 dan N14 menggunakan kaedah temuduga

2. Objektif

Menilai pengetahuan calon dalam aspek keutuhan peribadi, tata cara diri dan etika sosial, pengurusan pentadbiran dan pejabat, pengurusan perintam dan kewangan.

3. Instrumen temuduga

3.1 Borang markah

3.2 Set soalan temuduga yang terdiri daripada tiga aras kesukaran iaitu mudah, sederhana dan sukar

4. Pelaksanaan

4.1 Keahlian Panel Temuduga

4.1.1 Panel temuduga perlu terdiri daripada dua orang.

4.1.2 Pengerusi temuduga hendaklah dilantik dari pegawai kumpulan pengurusan dan profesional.

4.1.3 Keanggotaan panel temuduga hendaklah berlainan dari panel pemerhatian

4.1.4 Panel temuduga hendaklah tidak mempunyai pertalian kekeluargaan dengan calon

4.2 Pusat Temuduga

4.2.1 Bilik yang kondusif beserta ruang menunggu.

4.2.2 Pusat temuduga perlu dilabel dan mempunyai tunjuk arah.

4.2.3 Senarai calon hendaklah ditampal di luar bilik temuduga/ ruang menunggu.

4.3 Masa : 15 hingga 30 minit

4.4 Bilangan soalan : 12

4.5 Penemuduga perlu merujuk kepada set soalan temuduga, borang markah temuduga dan kaedah pemarkahan yang telah disediakan.

4.6 Pendekatan menyoal/menemuduga

4.6.1 Masa yang sesuai hendaklah diberi bagi calon menyesuaikan diri dalam suasana temuduga.

4.6.2 Soalan-soalan bercorak perkenalan (*ice breaking*) adalah digalakkan pada awal sesi (tanpa markah).

4.6.3 Soalan mestilah dikemukakan mengikut hirarki kesukaran. Soalan pada aras mudah dikemukakan terlebih dulu kepada calon.

TERHAD

- 4.6.4 Panel dibenarkan membimbing / merangsang bagi mendapatkan jawapan daripada calon.
- 4.6.5 Unsur-unsur pilih kasih hendaklah dielakkan.
- 4.6.6 Panel dilarang mendesak / membuat provokasi untuk mendapat jawapan daripada calon.
- 4.6.7 Aras kesukaran soalan hendaklah menurut jadual spesifikasi ujian (Borang Markah Temuduga) yang telah ditetapkan.
- 4.6.8 Panel temuduga perlu merujuk borang markah temuduga semasa menemuduga calon agar setiap calon mendapat aras kesukaran yang sama.

4.7 Kaedah Pemarkahan

Kaedah pemberian markah adalah menggunakan skor secara rubrik seperti yang berikut.

4.7.1 Soalan Sederhana Dan Sukar

Markah	Penerangan
4	<ul style="list-style-type: none">• Tidak diberikan sebarang bantuan oleh penemuduga• Jawapan calon tepat, berkeyakinan serta nampak tulen• Jawapan calon mempunyai maksud yang sama atau hampir
3	<ul style="list-style-type: none">• Jawapan calon tepat setelah diberikan bantuan oleh penemuduga• Jawapan calon mempunyai maksud yang sama atau hampir setelah diberikan bantuan oleh penemuduga
2	<ul style="list-style-type: none">• Calon tidak pasti dengan jawapan yang diberikan setelah dibimbing• Mengambil masa yang lama untuk menjawab
1	<ul style="list-style-type: none">• Tidak dapat menjawab walau pun setelah dibimbing• Memberikan jawapan yang salah walau pun dibimbing

4.7.2 Soalan Mudah

Markah	Penerangan
2	<ul style="list-style-type: none">• Tidak diberikan sebarang bantuan oleh penemuduga• Jawapan calon tepat, berkeyakinan serta nampak tulen• Jawapan calon mempunyai maksud yang sama atau hampir
1	<ul style="list-style-type: none">• Calon tidak pasti dengan jawapan yang diberikan setelah dibimbing• Mengambil masa yang lama untuk menjawab• Tidak dapat menjawab walau pun setelah dibimbing• Memberikan jawapan yang salah walau pun dibimbing

5. Penutup

Panduan ini mesilah dipatuhi oleh panel temuduga dan adalah diingatkan supaya unsur-unsur keadilan dapat dilaksanakan mengikut prinsip "Keadilan hendaklah dilaksanakan dan nampak dilaksanakan" (*justice must not only be done, but must be seen to have been done*).